

MB: Hentikan pembangunan di Cameron Highlands

Oleh AIZAWATLAHMAD ***

UM - 6 FEB 2003

KUANTAN 5 Feb. — Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini mengarahkan para pemaju supaya menghentikan semua kerja pembangunan yang sedang dijalankan di Cameron Highlands berkuat kuasa serta-merta.

Menurut beliau, langkah itu bagi mengelakkan berlakunya lebih banyak kes pencerobohan tanah di kawasan peranginan tersebut yang boleh mengakibatkan kemusnahan alam sekitar yang lebih serius.

“Mulai sekarang semua kerja pembangunan dibekukan buat sementara sehingga diberitahu kelak dan ia hanya membabitkan Cameron Highlands.

“Kita bimbang kalau diteruskan, lagi banyak pencerobohan seperti di Blue Valley akan berlaku,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan kempen memungut tandatangan program Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) peringkat negeri Pahang di sini, hari ini.

● Lagi komen — Muka 8

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melahirkan kesedihannya terhadap pembangunan keterlaluan di Cameron Highlands itu yang terbukti tidak mempedulikan soal kepentingan alam sekitar.

“Kita sedih bagaimana Cameron Highlands sudah diratakan sehingga tidak nampak lagi kawasan berbukit, sebaliknya ia menjadi seperti tanah pamah yang diratakan dan saya percaya iklimnya juga akan berubah,” katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menegaskan, hanya hukuman penjara sahaja dapat memastikan ‘pemaju yang tamak’ tidak melaksanakan pembangunan di kawasan tanah tinggi dan bukit-bukau secara sewenang-wenangnya.

Sebelum ini, akhbar melaporkan sekumpulan syarikat menggunakan peralatan berat untuk meratakan satu kawasan yang dahulunya merupakan sebahagian daripada

■ Lihat muka 4

Hentikan segera pembangunan di Cameron Highlands — Adnan

ladang teh Blue Valley di Cameron Highlands.

Mereka terus berbuat demikian meskipun Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH) mengeluarkan dua perintah menghalang kerja itu manakala Jabatan Tanah dan Galian Negeri telah membuat laporan polis.

Adnan berkata, pada masa ini, kerajaan negeri tiada rancangan membekukan projek pembangunan di tanah tinggi lain di Pahang.

“Ini kerana tidak ada laporan mengenai kegiatan meratakan tanah seperti yang berlaku di Blue Valley itu,” katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, kejadian di Cameron Highlands perlu dijadikan iktibar dan amaran kepada pemaju lain yang ingin membangunkan tanah di tempat lain.

“Kerajaan negeri tidak teragak-agak untuk membekukan projek mereka jika didapati melakukan kesalahan yang sama,” katanya.

Adnan menambah, pemaju di kawasan berkenaan boleh mengemukakan rayuan tetapi sama ada ia diterima atau tidak, bergantung sama ada pemaju berkenaan mematuhi peraturan atau tidak.

Sementara itu, Adnan berharap Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar mengemukakan cadangan meminda Akta Pemuliharaan Alam Sekitar 1960.

Beliau berkata, ia bagi membolehkan hukuman yang lebih berat dikenakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan.

Menurutnya, hanya menerusi pindaan itu sahaja akan dapat membantu untuk membendung pemaju daripada melanggar undang-undang pada masa depan.

“Kita harap dalam bulan Mac nanti, pindaan ini boleh dibentang untuk diwartakan dan dikuatkuasakan dan selepas itu kita akan benarkan pemaju menjalankan projek mereka.

“Jika selepas itu mereka menyalahi undang-undang, maka kita akan gunakan undang-undang baru itu untuk menyekat mereka daripada bermaharajalela,” ujar beliau.